



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

**KENYATAAN MEDIA**

**SEBANYAK RM12,107,795.94 PERUNTUKAN DISALURKAN BAGI  
PELAKSANAAN 121 PROGRAM DI BAWAH UNIT TRANSFORMASI  
MASYARAKAT INDIA (MITRA) BAGI TAHUN 2019/2020**

---

Putrajaya, 25 April 2021 – Kementerian Perpaduan Negara melalui Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) telah meluluskan penyaluran peruntukan sebanyak RM12,107,795.94 bagi 121 program bagi tahun 2019/2020 yang telah dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.

2. Program-program ini adalah baki peruntukan geran tahun 2019/2020 yang telah ditunda pelaksanaannya akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan arahan pemansuhan daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia ekoran ancaman wabak Covid-19. Walaubagaimanapun, program-program tersebut telah berjaya dilaksanakan mengikut SOP PKP. Kesemua program juga telah melengkapkan laporan berkala dan laporan akhir yang merupakan dokumen wajib yang ditetapkan bagi NGO yang menerima peruntukan ini.

3. MITRA sentiasa komited dalam memastikan pembangunan taraf sosioekonomi masyarakat India terjamin melalui pelbagai inisiatif yang selaras dengan hasrat Kerajaan supaya tiada golongan yang terpinggir daripada arus pembangunan negara.

**Kementerian Perpaduan Negara**

25 April 2021

**-TAMAT-**

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

**Pertanyaan media**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041      Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (66)